

21 FEB 1996

Desa (Laporan Khas)

KE ARAH DESA YANG MAJU, MENARIK DAN MENGUNTUNGKAN

Oleh: Dalila Abu Bakar

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Sebanyak tiga ribu buah kampung dipilih menyertai Gerakan Desa Wawasan (GDW), suatu program permodenan kampung yang apabila berjaya nanti akan menjadi model kawasan luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan.

GDW akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sebuah kampung di Perak Julai ini.

"Program ini akan menggunakan konsep "BUS" (bottom up strategy) iaitu idea dan tindakan datangnya daripada masyarakat setempat," kata seorang pegawai kanan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Idea program itu diilhamkan oleh Perdana Menteri selaras dengan wawasannya untuk melihat seluruh rakyat Malaysia, di bandar dan desa, sama-sama terlibat dalam membawa Malaysia menjadi negara maju.

"Tujuan utamanya ialah memberi kenikmatan dan peningkatan dalam kualiti hidup penduduk luar bandar. Mereka perlu melakukannya sendiri dan kerajaan sekadar membimbing mereka mengubah sikap dan membuat perancangan.

"Oleh itu, jaya atau gagal program ini bergantung kepada masyarakat kampung itu sendiri," kata pegawai itu.

GDW berkonsepkan kepada kesedaran dan pembangunan ke arah transformasi pemikiran dan sikap masyarakat luar bandar serta pemimpinnya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, ketika menjelaskan program itu berkata, GDW bukan sekadar menyediakan kemudahan prasarana asas tetapi matlamatnya bertunjangkan mutu, daya pengeluaran, pendapatan penduduk dan pembentukan minda sosial penduduk luar bandar.

Pegawai Kemas itu berkata bagi menjayakan projek GDW itu, kesemua kampung yang terpilih itu dikehendaki menyediakan program dan aktiviti di peringkat kampung masing-masing.

Markah akan diberi terhadap aspek-aspek seperti penggunaan sumber tempatan sebagai bahan mentah, tahap penggunaan teknologi, mutu keluaran, kawasan pencemaran, tahap pengetahuan dalam pengurusan industri dan pendapatan daripada industri.

Kampung-kampung yang dipilih menyertai GDW merupakan kampung-kampung yang mempunyai potensi untuk membangun dan kebanyakannya sudah mempunyai infrastruktur asas seperti air dan elektrik.

Antara kampung-kampung yang akan dibangunkan pada tahun ini ialah Kampung Ulu Cepor (Ipoh, Perak), Kampung Belut (Sungai Siput, Perak), Kampung Pendi (Parit, Perak), Kampung Darat (Kangkung, Kedah), Kampung Tawar (Kuala Ketil, Kedah), Kampung Kuala Sin (Bukit Selambau, Kedah), Kampung Gentam (Kuala Pilah, Negeri Sembilan), Kampung Ulu Ladang (Gemas, Negeri Sembilan) dan Kampung Repah (Tampin, Negeri Sembilan).

Dalam menjayakan GDW itu, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan bertindak sebagai agensi dalam memotivasikan masyarakat luar bandar dengan memberi bimbingan kepada Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) sehingga mereka mampu berdikari.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut mencadangkan beberapa program seperti program bina insan, program kesedaran dan juga kursus-kursus orientasi dan kepimpinan yang menekankan pembentukan nilai diri yang meningkatkan kualiti sehingga mengubah pemimpin menjadi lebih bertanggungjawab.

Program mengindahkan persekitaran (lanskap) dan mewujudkan taman-taman rekreasi di kawasan-kawasan perumahan utama akan dilakukan secara gotong royong sehingga suasana kawasan menjadi bertambah menarik.

GDW akan turut melibatkan sektor swasta dan korporat dalam program-program untuk membangunkan ekonomi luar bandar, kata pegawai itu.
-- BERNAMA
DAB PR